

KERAJAAN AKAN AMBIL TINDAKAN KE ATAS SPEKULATOR RINGGIT: PM

1984
KUALA LUMPUR, 30 OKT. (BERNAMA)-- KERAJAAN AKAN MENGAMBIL TINDAKAN KE ATAS MEREKA YANG BERTANGGUNG-JAWAB DALAM TEKANAN KE ATAS RINGGIT DIPASARAN MATAWANG ASINGBARU-BARU INI, PERDANA MENTERI MEMBERI AMARAN MALAM INI.

MENGSYAKKIBAHAWA KEKECOHAN DIPASARAN MATAWANG ASING PADA 5 OKTOBER BERPUNCA DARI MEREKA YANG MANA +TAMAK MELEBIHI KOMITMEN MEREKA KEPADA ETIKA+, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA INI MEMBUKTIKAN BAHAWA ADALAH MERBAHAYA BAGI MEREKA YANG TERLIBAT DIBENARKAN DALAM PERNIAGAAN MATAWANG.

DALAM UCAPANNYA YANG BERNADA KERAS 51 MAJLIS MAKAN TAHUNAN BERSAMA PERSATUAN BANK-BANK DAN INSTITUSI KEWANGAN DI MALAYSIA DI HOTEL HILTON DISINI, PERDANA MENTERI BERKATA SISTEM MATAWANG DUNIA SEKARANG ADALAH DALAM KEADAAN ANARKI.

MATAWANG KINI ADALAH SALAH SATU KOMODITI YANG DIDAGANGKAN SEPERTI GETAH, TIMAH ATAU MINYAK SAWIT PAN OLEH ITU IA TERDEDAH KEPADA PERMAINAN PARA SPEKULATOR.

+SESUNGGUHNIA INI MERUPAKAN PERNIAGAAN YANG MERBAHAYA KERANA KITA TIDAK AKAN PASTI BAHAWA BAKI JUGA TIDAK AKAN TERDORONG UNTUK MENURUNKAN NILAI WANG DAN MENAIKKANNYA SEMULA SEMATA-MATA UNTUK Mencari Keuntungan, +TAMBAH BELIAU.

PERDANA MENTERI SEKALI LAGI MENOLAK SEBARANG KEMUNGKINAN PENURUNAN NILAI MATAWANG MALAYSIA, DENGAN BERKATA +KERAJAAN INI TIDAK PERCAYA BAHAWA PENURUNAN NILAI AKAN MENGATASI SEMUA MASALAH EKONOMINYA. HANYA MUTU DAYA PENGELUARAN YANG TINGGI SAHAJA PENYELESAIAN KEPADANYA. +

MENYENTUH MENGENAI ANARKI DALAM SISTEM MATAWANG; PERDANA MENTERI BERKATA PERNAH DI SATU MASA APABILA KADAR TUKARAN ASING DI ANTARA BERBAGAI MATAWANG DARI BERBAGAI NEGARA DITETAPKAN, TETAPI KINI SISTEM ITU TIDAK LAGI DIJALANKAN.

KERAJAAN-KERAJAAN KERAP TIDAK BERKUASA UNTUK MENENTUKAN NILAI MATAWANG MEREKA SENDIRI, DAN WALAUPUN SIMPANAN MEREKA DIBUAT DALAM BEBERAPA MATAWANG YANG BERLAINAN BAGI MENGURANGKAN KESANDARI KEJATUHAN MANA-MANA SATU MATAWANG, NAIK TURUN MATAWANG TERUS BERLAKU.

BELIAU BERKATA SEMENTARA NAIK TURUN HARGA KOMODITI YANG BIASA HANYA MEMBERI KESAN EKONOMI YANG TERHAD, PERUBAHAN DALAM NILAI WANG BOLEH MENERIKESAN KEPADA KESELURUHAN EKONOMI NEGARA.

DR. MAHATHIR MENINGATKAN KALANGAN KEWANGAN TENTANG TANGGUNG-JAWABNYA KEPADA MASYARAKAT, DENGAN MENYEBUT BAHAWA KES PINJAMAN BMF DI HONG KONG SEBAGAI AJARAN YANG MESTI DIINGATI.

BMF MENUNJUKKAN BAHAWA TANPA PERHATIAN KEPADA PENGURUSAN YANG BAIK DAN PENGAWASAN YANG CEKAP, KESILAPAN BESAR BOLEH BERLAKU.

BELIAU MAHU PARA PENGURUS INSTITUSI KEWANGAN SUPAYA BERTANGGUNG-JAWAB DENGAN SEPENUHNYA DAN TERLIBAT DALAM HAL-EHWAL INSTITUSI 51 BAWAH JAGAAN MEREKA.

ININI ADALAH KERAJAAN TELAH MENGASINGKAN PARA PENERUS IBUKAN EKSEKUTIF DARI PARA PEGAWAI KETUA EKSEKUTIF DALAM BEBERAPA SYARIKAT AWAM KERAJAAN.

RF BERNAMA